



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

### **MOSTI KOMITED DALAM MENJANA SEMULA SERTA MEMACU EKONOMI MENERUSI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyambut baik pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketika ini, MOSTI berada pada landasan yang tepat dalam menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan dan berteknologi tinggi. Hasrat besar ini disokong oleh Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 serta Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MySTIE) yang telah dilancarkan pada 8 Disember 2020.

Peranan sains, teknologi dan inovasi (STI) akan memacu pertumbuhan dan pemulihan ekonomi Malaysia bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi. Gabungan kedua-dua DSTIN dan MySTIE ini akan memastikan kemajuan sains dan teknologi bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagaimana yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, RMK-12 adalah bertunjangkan tiga (3) tema seperti berikut:

- i. Menjana semula ekonomi;
- ii. Memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan
- iii. Melonjakkan kemampanan.

Sementara itu, empat (4) pemangkin dasar akan menyokong pencapaian tiga tema berkenaan dan menjadi asas bagi membentuk pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya. Empat pemangkin dasar yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan bakat masa hadapan;
- ii. Mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi;
- iii. Menambahbaik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan; dan
- iv. Memperkukuh perkhidmatan awam.

**Bagi MOSTI, strategi-strategi di bawah pemangkin dasar pertama dan kedua iaitu membangunkan bakat masa hadapan serta mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi amat bertepatan dengan usaha pemulihan negara khususnya menjana semula ekonomi pasca pandemik COVID-19.**

Strategi-strategi yang telah dirancang akan merencanakan usaha pembangunan, penyelidikan dan pengkomersialan serta membangunkan bakat-bakat tempatan yang inovatif bagi menyokong pembangunan teknologi tempatan selaras dengan DSTIN 2021–2030. Strategi

ini juga akan membantu Malaysia menjadi lebih berdaya saing untuk mendepani cabaran global, seterusnya menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi dengan guna tenaga mahir ke arah mencapai pertumbuhan inklusif.

STIE sebagai pemacu perubahan mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara dengan menjajarkan penyelidikan dan pembangunan untuk pengkomersialan, penjanaaan kekayaan serta pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, RMK-12 telah menetapkan enam (6) sasaran terpilih berkaitan MOSTI untuk dicapai pada tahun 2025 seperti berikut:

- a. 2.5% Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK;
- b. 70% Perbelanjaan R&D oleh Sektor Swasta (BERD) kepada GERD;
- c. 130 Bilangan Penyelidik bagi setiap 10,000 Tenaga Buruh;
- d. 50% Perbelanjaan Penyelidikan Pembangunan Eksperimental kepada GERD;
- e. 20 Teratas bagi Kedudukan dalam *Global Innovation Index*; dan
- f. 500 Bilangan Produk/ Penyelesaian yang dikomersialkan melalui Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY).

Mengambil kira situasi dan kesan pandemik COVID-19 terutamanya kepada syarikat-syarikat pemula (*startups*), MOSTI juga mengalu-alukan usaha untuk memberi sokongan kepada lebih ramai bakat tempatan yang mampu mencipta teknologi bagi menyokong pertumbuhan industri tempatan melalui penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Inisiatif ini akan mengurangkan kebergantungan negara terhadap teknologi asing di samping meningkatkan sumber pendapatan negara. Sehubungan itu, keupayaan teknologi teras (*DeepTech*) seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), *Internet of Things* (IoT), *blockchain*, bahan dan teknologi termaju (*Advanced Material*) dan analitis data raya (*Big Data Analytic*) diberikan penekanan yang merangkumi pembangunan ekosistem berkaitan termasuk pembangunan bakat, pembiayaan dan galakan pelaburan domestik oleh kerajaan dan pemain industri.

Pemeriksaan teknologi teras akan berfungsi sebagai medium disruptif yang menggalakkan inovasi bidang baharu, menjadi pembolehdaya pertumbuhan ekonomi yang akan memudahcara dan menyokong perancangan serta dasar kerajaan dalam menghadapi revolusi perindustrian keempat (4IR), seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi.

MOSTI komited untuk melaksanakan dan menjayakan inisiatif-inisiatif RMK-12 yang telah dibentangkan selaras dengan fungsi MOSTI selaku peneraju bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) di negara ini.

**#KeluargaMalaysia**  
**#BekerjaBersamaRakyat**  
**#MOSTIhebat**

**DATO' SRI DR. ADHAM BABA**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi  
28 September 2021